



---

## TERMA DAN SYARAT AKREDITASI PEMANDU PELANCONG SETEMPAT

---

### DI BAWAH JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN

---

1. Pemohon hendaklah memohon akreditasi Pemandu Pelancong Setempat ke Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam tempoh **enam (6)** bulan selepas lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat daripada institusi Pelancongan yang telahpun dilantik.
2. Pemegang akreditasi hanya boleh menjalankan perkhidmatan aktiviti pemanduan pelancong ditempat yang ditetapkan sahaja iaitu di Mukim atau di Kampong dimana pemegang akreditasi itu bermastautin.
3. Pemegang akreditasi adalah **dimestikan** untuk memakai lencana setiap masa ketika menjalankan perkhidmatan aktiviti pemanduan.
4. Pemegang akreditasi pemandu pelancong tidak dibenarkan untuk menawarkan, mengiklankan dan menjual pakej lawatan **secara langsung** kepada pelancong-pelancong. Jabatan Kemajuan Pelancongan hanya membentarkan aktiviti penjualan pakej lawatan melalui ejen pelancongan yang berlesen.
5. Pemegang akreditasi tidak boleh menyerahkan, memindah, menukar milik atau menjual hak-hak dan kewajipan yang terkandung dan yang dipersyaratkan kepada mana-mana pihak.
6. Pemegang akreditasi hendaklah memastikan lencana Pemandu Pelancong Setempat yang dimiliki diperbaharui sebelum tamat tempoh sah laku iaitu **dua (2) bulan** sebelum tarikh mansuh.
7. Pemegang akreditasi hendaklah melaporkan secara bertulis dengan segera ke Jabatan Kemajuan Pelancongan jika berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan lencana Pemandu Pelancong Setempat.
8. Pemegang akreditasi dikehendaki untuk memastikan lencana Pemandu Pelancong Setempat yang dimiliki tidak disalahguna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.
9. Pemegang akreditasi hendaklah mengikuti kursus dan lulus Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat di institusi-institusi pendidikan yang telah dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
10. Pemandu pelancong yang berakreditasi hendaklah menjalankan perkhidmatan pemanduan pelancong sekurang-kurangnya **50 jam** setahun.



---

## TERMA DAN SYARAT AKREDITASI PEMANDU PELANCONG SETEMPAT

### DI BAWAH JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN

---

11. Akreditasi akan dibatalkan / digantung / ditarik balik serta merta oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan jika didapati:
  - i. Pemegang akreditasi didapati memberikan maklumat yang salah dan yang melanggar tatasusila Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang berpegang dengan prinsip Negara Melayu Islam Beraja.
  - ii. Pemegang akreditasi yang melanggar mana-mana Kod Etika Pemandu Pelancong yang telah dipersyaratkan.
12. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan memberikan notis pembatalan / penggantungan / penarikan balik akreditasi melalui persuratan rasmi tidak kurang dari **21 hari** dari tarikh penetapan penggantungan / penarikan / pembatalan akreditasi berkuatkuasa.
13. Pemegang akreditasi berhak membuat rayuan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh penerimaan surat notis berkenaan.
14. Pemegang Akreditasi yang digantung atau dibatalkan hendaklah menyerahkan kembali lencana pemandu pelancongnya ke Jabatan Kemajuan Pelancongan walaupun tempoh akreditasi belum mansuh.
15. Lencana Pemandu Pelancong yang telah tamat tempoh / mansuh hendaklah diserahkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan.
16. Pemegang akreditasi hendaklah memaklumkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan sekiranya tidak lagi berhasrat untuk memberikan perkhidmatan pemanduan pelancong.
17. Syarat-syarat lain adalah seperti peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan yang berkuatkuasa pada masa ini.
18. Pengarah Kemajuan Pelancongan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak membatalkan Akreditasi Pemandu Pelancong yang telah dikeluarkan